

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sekarang mempunyai cadangan untuk mengangkat Rukun Negara dijadikan mukadimah kepada Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, **RUKUN NEGARA** mengandungi dua bahagian yang sama penting dan saling bergantung. Misalnya, Bahagian pertama ialah Mukadimah. Di dalamnya dirakamkan LIMA cita-cita negara Malaysia mengenai perpaduan, demokrasi, kemakmuran negara, mempertahankan berbagai tradisi budaya dan membina masyarakat progresif menggunakan sains dan teknologi. Bahagian ini adalah roh kepada Rukun Negara;

Manakala, Bahagian kedua ialah Prinsip Rukun Negara iaitu ikrar rakyat Malaysia untuk menumpukan seluruh tenaga dan usaha bagi mencapai LIMA cita-cita yang tersenarai dalam Mukadimah berasaskan LIMA prinsip berikut:

*Kepercayaan Kepada Tuhan
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-Undang; dan
Kesopanan dan Kesusilaan*

Maka **rukun Negara** yang mengandungi MUKADIMAH dan PRINSIP ini telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 dan semenjak itu telah diterima dan dihayati oleh rakyat di semua lapisan masyarakat Malaysia tanpa mengira kaum dan bangsa.

Ternyata ianya merupakan satu falsafah, ideologi yang mengandungi prinsip-prinsip murni untuk jadi panduan dan ikutan bukan suatu peraturan dan perintah, seperti undang-undang. Penghayatan **rukun Negara** biar pun diangkat oleh pemerintahan Malaysia sebagai sesuatu yang utama, proses penghayatannya berlaku di dua peringkat. Peringkat pertama di paras peribadi untuk mengisi nilai dan amalan seseorang. Peringkat kedua adalah secara kolektif, di mana rakyat beramai-ramai sebagai keluarga dan komuniti sama-sama menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip **rukun Negara**.

Selain itu, prinsip-prinsip Rukun Negara sebenarnya telahpun turut termaktub (*enshrined*) dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan telah dipinda melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971. Dengan itu, **rukun Negara** perlu dihayati dengan mendalam oleh semua lapisan rakyat. **rukun Negara** adalah Rukun Perpaduan yang mengikat rakyat dengan segala usaha perpaduan di seluruh negara kerana **rukun Negara** adalah cita-cita negara.

Sekian, terima kasih.